

Headline	Hari Hutan di FRIM esok		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	26	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	201 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,577
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,731



Hari Hutan di FRIM esok

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menyambut Hari Hutan Antarabangsa 2015 esok dengan mengadakan pelbagai aktiviti seperti menanam pokok, acara larian, pertandingan kolaj dan mewarna dan membersihkan sungai.

Penyertaan adalah percuma tetapi terhad kepada peserta yang mendaftar awal.

Orang ramai yang berminat menyertai acara yang dipertandingkan dan aktiviti menanam pokok serta membersihkan sungai boleh melengkapkan borang penyertaan menerusi e-mel dan dihantarkan kepada nursuriani@frim.gov.my atau menerusi sistem khidmat pesanan ringkas ke 019-609 4514 bagi pertandingan mewarna, kolaj atau acara larian.

Walaupun penyertaan adalah percuma, para peserta berpeluang memenangi hadiah. Oleh itu, orang ramai dinasihatkan supaya mendaftar penyertaan secepat yang mungkin.

Info

Jumlah peserta bagi setiap aktiviti:

Kolaj: 30 orang (umur 9 hingga 12 tahun)

Pertandingan mewarna: 30 orang (umur 5 hingga 8 tahun)

Acara larian: 40 orang (8 kumpulan, umur 16 hingga 40 tahun)

Menanam pokok: 100 orang (dewasa & kanak-kanak lebih 6 tahun)

Membersih sungai: 30 orang (umur 13 tahun ke atas).

Telefon: 019-609 4564

E-mel: frim_ccu@frim.gov.my



PELBAGAI aktiviti menarik sempena Hari Hutan di FRIM esok buat pencinta alam.